

REFLEKSI KESELURUHAN KURSUS UHMT1012

Nama : SAYANG ELYIANA AMIERA BINTI HELMEY

Subjek : UHMT1012 ATRIBUT KEJAYAAN GRADUAN

Pensyarah : DR. MARLINA BINTI ALI

Tarikh : 12 Januari 2021

Pada 22 Oktober 2020 iaitu kuliah pertama UHMT1012 dijalankan, Dr. Marlina selaku pensyarah kami telah menyatakan 7 atribut kejayaan graduan yang telah digariskan oleh pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pertama adalah kemahiran berkomunikasi. Kemahiran berkomunikasi adalah kemahiran individu menyampaikan idea serta berinteraksi secara lisan dan bertulis secara berkesan manakala kedua adalah kemahiran berfikir yang boleh didefinisikan sebagai proses kognitif tertentu yang membolehkan kita berfikir di luar kotak dan lebih berfikiran luas. Atribut kejayaan graduan ketiga adalah kersarjaan yang membawa maksud kebolehan individu mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber. Keempat adalah kemahiran kerja berpasukan yang mana ia merupakan satu kumpulan yang bekerjasama antara satu sama lain untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh pasukan tersebut. Atribut kejayaan graduan yang seterusnya adalah kebolehsuaian yang boleh didefinisikan sebagai kebolehan individu menyesuaikan diri dengan budaya dan persekitaran baharu. Selain itu, warga global. Pensyarah telah menerangkan bahawa warga global dalam konteks ini bermaksud seseorang pelajar yang mempunyai kerohanian mantap, penyayang dan prihatin serta mengetahui isu kontemporari dunia sejagat. Akhir sekali, atribut kejayaan graduan yang digariskan oleh UTM adalah kemahiran berdaya usaha yang boleh didefinisikan sebagai kebolehan pelajar untuk mengenal pasti peluang, berani mengambil risiko dan berkebolehan dalam menangani isu yang dihadapi.

Berdasarkan tugas individu yang diberikan iaitu berkenaan tentang isu global, saya memilih isu berkenaan perdebatan di kalangan pelajar tentang pembelajaran atas talian dengan pembelajaran fizikal. Melalui kajian dan carian yang saya jalankan, saya dapat mengenal pasti masalah dan punca perdebatan ini berlaku dengan menyenaraikan kelebihan dan kekurangan

kedua-dua kaedah pemebelajaran ini. Masalah ini mula timbul apabila kerajaan telah menetapkan kaedah pembelajaran secara atas talian disebabkan oleh pandemik virus Corona yang melanda negara kita pada awal tahun 2020. Para pelajar berasa janggal dan tidak selesa belajar secara atas talian kerana masalah internet yang tidak stabil, tiada computer riba dan sebagainya. Akan tetapi, masih terdapat beberapa kelebihan belajar secara atas talian seperti masa pembelajaran yang fleksibel dan boleh akses video kuliah di mana sahaja. Berdasarkan pengalaman saya sendiri juga, saya lebih gemar pembelajaran secara fizikal kerana ia dapat memupuk kemahiran berkomunikasi di kalangan para pelajar dan pensyarah seperti yang terdapat dalam atribut kejayaan graduan serta memahami setiap pembelajaran dengan lebih jelas dengan adanya bimbingan daripada pensyarah dan rakan sekelas. Melalui tugasan ini, saya dapat mengaplikasi kemahiran berfikir dan kesarjanaan yang terdapat dalam 7 atribut kejayaan graduan UTM kerana ia membuka minda saya untuk mengambil tahu isu semasa yang dihadapi oleh para pelajar.

Di samping itu, para pelajar UHMT1012 telah diberikan tugasan mengemukakan idea keusahawanan yang mana kami dikehendaki untuk menjalankan tugasan secara berkumpulan. Kumpulan saya memutuskan untuk membentangkan idea dalam bidang makanan dan pertanian (*food and agriculture*). Setelah berbincang, kami bersetuju untuk membangunkan dan menjual satu aplikasi telefon pintar yang dinamakan sebagai SmartGrocer. Aplikasi ini membolehkan para pengguna khususnya suri rumah dan individu yang hidup bersendirian untuk mengetahui tahap kesegaran sayur dan buah yang dibeli di pasar borong atau pasar raya. Tugasan ini membolehkan kesemua ahli kumpulan kami untuk mengutarakan idea dan kreativiti masing-masing dalam mengenal pasti masalah, mencari penyelesaian, dan mewujudkan kemudahan-kemudahan (*features*) yang akan dibangunkan melalui aplisaksi tersebut. Kami juga sering membuat perbincangan pada hujung minggu tentang pengagihan kerja dan pencarian maklumat. Waalupun ahli kumpulan kami terdiri daripada kaum yang berbeza, tetapi kami dapat berhubung dan berkomunikasi dengan baik. Melalui tugasan ini, kesemua 7 atribut kejayaan graduan UTM dapat diaplikasikan iaitu kemahiran berkomunikasi antara ahli kumpulan dan pengguna, kemahiran berfikir, kemahiran bekerja kumpulan, kesarjanaan, kebolehsuaian, warga global dan berdaya usaha.

Selain itu, Dr. Marlina telah memberikan tugas kepada kami para pelajar untuk melaksanakan projek berkumpulan yang mana kami perlu mengaplikasikan 7 atribut kejayaan graduan. Kumpulan saya yang terdiri daripada 9 orang ahli telah berbincang dan memutuskan untuk mengadakan program yang bernama Heart of Nation yang mana ia berunsurkan menyalurkan informasi dan mengadakan pertandingan kuiz tentang tradisi dan kebudayaan di Malaysia kepada pengguna media sosial dengan tujuan mengekalkan warisan budaya tempatan di kalangan masyarakat sekaligus menyokong negara dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) untuk menjamin keamanan, keharmonian dan kestabilan masyarakat menjelang 2030. Setelah berbincang selama beberapa minggu dengan semua ahli jawantkuasa dan Dr. Marlina selaku penasihat program, program dapat dijalankan dengan lancar selama 6 hari bermula pada 10 Januari 2021 hingga 16 Januari 2021 di laman Instagram. Sebagai penutup program, kami telah menyanyikan satu ceramah berbentuk webinar bertajuk “Penerapan Kebudayaan Dalam Kemodenan” yang disampaikan oleh penceramah jemputan melalui platform Facebook. Selaku setiausaha program, saya dikehendaki untuk menulis kertas kerja, menyediakan laporan dan membantu ahli jawantkuasa yang lain dalam melaksanakan tugas mereka.

Sejurnya banyak cabaran yang kami hadapi dalam melaksanakan projek ini seperti program apa yang sesuai untuk dijalankan, pencarian kolaborasi, penajaan, dan sebagainya namun cabaran-cabaran ini dapat kami selesaikan dan atasi bersama semua ahli jawantkuasa sekaligus memupuk kemahiran kerja berkumpulan dan berkomunikasi di kalangan kami. Maklum balas yang diterima oleh peserta dan penonton program membuktikan bahawa kami Berjaya mencapai matlamat kumpulan apabila mereka berpuas hati dan mengharapkan agar program sebegini dapat dijalankan lagi pada masa hadapan. Kerjasama yang utuh di kalangan kami inilah yang membuatkan program ini berjalan lancar seperti yang dirancangkan. Ini membuktikan kami dapat mengaplikasikan kesemua 7 atribut kejayaan graduan dengan sangat baik iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran kerja berpasukan, warga global, kesarjanaan, kemahiran berdaya usaha dan kebolehsuaian. Saya sendiri juga dapat memperolehi pengalaman baru iaitu mengendalikan program secara atas talian. Sebelum ini, banyak jenis program yang

saya jalankan tetapi semuanya dijalankan secara fizikal. Ini merupakan satu pengalaman baharu yang berharga buat saya yang mungkin dapat saya aplikasikan pada masa akan datang.

Dalam pada itu, melalui kursus ini juga saya mempelajari tentang kemahiran insaniah (*soft and hard skills*) yang perlu ada dalam diri seorang graduan sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Setelah menghadiri beberapa webinar yang dianjurkan oleh pihak UTM, saya sedar bahawa kemahiran insaniah amat penting bagi seorang graduan kerana kebanyakan majikan syarikat mencari pekerja yang mempunyai keahiran insaniah yang tinggi, begitu juga dengan kemahiran teknikal. Kemahiran-kemahiran inilah yang menentukan kualiti seorang pekerja yang bagus dan bertanggungjawab. Antara kemahiran insaniah yang telah saya pelajari termasuklah kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran kerja berpasukan dan sebagainya seperti yang terdapat dalam 7 atribut kejayaan graduan yang ditetapkan oleh pihak UTM.

Kami juga dikehendaki untuk membuat satu video *curriculum vitae* berdurasi selama 3 minit di mana kami perlu menyatakan kualiti diri kami sebagai seorang pekerja dan mengapa majikan perlu mengambil kami sebagai pekerja mereka. Berdasarkan tugasan ini, banyak kemahiran dan kualiti yang saya tunjukkan menerusi video tersebut seperti kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran berfikir secara kreatif dan semangat bekerja yang tinggi. Beberapa hasil kerja saya dalam bidang penyuntingan poster dan video juga telah saya tunjukkan di mana ia boleh menjadi salah satu contoh kemahiran teknikal yang saya peroleh menerusi pengalaman saya dalam mengendalikan dan menyertai program-program dan pertandingan-pertandingan lain sewaktu berada di kolej matrikulasi dan sekolah. Pengalaman saya dalam menyertai pertandingan robotik yang dapat menambah kemahiran teknikal saya dalam bidang pengaturcaraan dan mekanikal juga turut saya sertakan dalam video tersebut untuk menunjukkan bahawa saya merupakan aset yang berkualiti yang majikan tidak boleh lepaskan. Melalui pengalaman dan tugas ini, saya percaya bahawa setiap graduan perlu mengasah kualiti-kualiti kemahiran insaniah dari peringkat awal sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Pada kuliah terakhir kursus UHMT1012 yang dijalankan pada 21 Januari 2021, Dr. Marlina menerangkan tentang kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan yang perlu diterapkan dalam diri seorang graduan. Pada pandangan saya, bukan mudah untuk memupuk dua kemahiran ini lebih-lebih lagi bagi individu yang introvert. Akan tetapi, dalam pekerjaan di luar sana memerlukan kita untuk bekerja dalam pasukan dan mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam melaksanakan tugas. Tanpa dua kemahiran asas ini, majikan mungkin tidak akan memilih kita untuk menjadi salah seorang pekerja mereka. Berkat pengalaman menguruskan Program Heart of Nation seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, saya amat yakin bahawa saya dapat meningkatkan lagi kemahiran kerja berpasukan dan nilai kepimpinan dalam diri saya.

Sejurusnya, banyak kemahiran yang dapat saya perolehi sepanjang mengikuti kursus ini. Anataranya ialah saya dapat mengadaptasikan diri saya untuk menimba pengalaman baru dengan belajar secara atas talian sepanjang semester. Walaupun banyak cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh 14 minggu kuliah seperti rangkaian internet yang tidak stabil dan jiran tetangga yang bising, tetapi pengalaman ini mengajar saya erti sabar dan tidak berputus asa dalam mengahrungi apa jua cabaran yang saya hadapi demi memperoleh kejayaan. Di samping itu, saya juga dapat belajar mengenali dan berkominukasi dengan rakan-rakan sekelas yang baru walaupun kami tidak berjumpa dari awal semester tetapi kami berjaya merapatkan hubungan dan berkomunikasi dengan baik melalui kerja berkumpulan yang dijalankan di aplikasi WhatsApp dan Google Meet. Bukan mudah untuk mengadaptasikan diri berkenalan dengan orang baharu lebih-lebih lagi apabila tidak bersua muka tetapi itu bukan halangan bagi kami. Banyak yang saya dapat belajar daripada rakan-rakan sekelas melalui pendapat yang mereka utarakan semasa aktiviti yang dijalankan oleh Dr. Marlina sepanjang kuliah berlangsung. Dari situ saya dapat membuka mata saya untuk melihat pengalaman dan ragam orang lain dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan.

Kesimpulannya, setelah menghadirkan diri serta mengikuti kursus ini selama 14 minggu untuk semester ini, terlalu banyak perkara saya dapat perolehi dan pelajari daripada pensyarah, Dr. Marlina yang membimbang dan memberi ilmu-ilmu baru tentang kualiti dan kemahiran yang seharusnya ada dalam diri seorang graduan sebelum melangkah ke alam pekerjaan kelak. Saya pasti setiap kualiti dan kemahiran yang telah saya dan rakan-rakan pelajari pastinya dapat

membantu kami dalam menjadi seorang pelajar, pekerja dan individu yang bertanggungjawab pada masa hadapan. Saya berasa sangat beruntung menerima seorang pensyarah seperti Dr. Marlina yang sanggup meluangkan masa hujung minggunya demi memenuhi jemputan program yang kami adakan. Dengan rasa rendah diri saya berterima kasih kepada Dr. Marlian kerana perhatian yang beliau berikan kepada kami sebagai seorang pendidik sepanjang kuliah amat bermakna bagi saya dan pastinya rakan-rakan yang lain. Sekian daripada saya, Sayang Elyiana Amiera binti Helmey, pelajar UHMT1012 seksyen 44.